

Kadar Standard



Kadar Sifar



Dikecualikan



Konsep Cukai Input / Output



Metro 30/10/14 MS14

GST: SISTEM CUKAI

Memandangkan pelaksanaan GST semakin hampir dengan tempoh hanya enam bulan saja lagi, banyak usaha dilakukan pelbagai pihak untuk meningkatkan kesedaran berkaitan sistem cukai ini. Bagaimana penguatkuasaan GST akan mengubah keadaan untuk perniagaan dan perusahaan?

Pelaksanaan GST akan memberikan kesan positif kepada kewangan negara. Ia adalah satu sistem cukai yang paling telus bertujuan menangani kecacatan struktur dalam sistem cukai semasa yang dilaksanakan ketika ini.

Ia dijangka menjadi titik perubahan dalam sektor perniagaan dengan impak yang besar kepada ekosistem yang mereka amalkan buat masa ini.

Ia juga dijangka mengubah cara mereka mengendalikan perniagaan termasuk bagaimana menangani pelanggan, pembekal dan bagaimana mereka berurusan dengan pegawai kerajaan.

GST juga akan menukar prospek perniagaan mereka kerana ia adalah cukai penggunaan pelbagai peringkat yang dikenakan pada setiap peringkat dalam rangkaian pengedaran dan bekalan.

Dalam kebanyakan kes, perniagaan akan menjadi lebih baik di bawah GST berbanding SST kerana mereka boleh menuntut cukai yang dikenakan (input tax) yang memberi peluang mereka melakukan penjimatan.

Di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011, syarikat ini harus 'berkongsi' penjimatan yang dilakukan dengan pelanggan mereka. Ini akan membolehkan harga barangan diturunkan, terutama yang dikenakan cukai pada kadar 10 peratus di bawah SST.

Mengapa kerajaan menetapkan syarikat untuk mendaftar sebelum 31 Disember ini sedangkan pelaksanaan GST hanya akan dikuatkuasakan pada 1 April 2015?

Persiapan awal untuk perniagaan adalah faktor kritikal dalam kejayaan pelaksanaan GST. Jika syarikat tidak mendapat maklumat yang tepat, ia akan menimbulkan masalah yang secara tidak langsung memberi kesan kepada perniagaan mereka.

Kerana itu kerajaan mewajibkan semua perniagaan di bawah 19 sektor dan industri untuk mendaftar sebelum akhir tahun ini bagi memastikan proses peralihan dapat dilakukan dengan lancar.

Selain itu, kastam juga mengendalikan program bimbingan untuk membantu syarikat memahami bagaimana cukai itu dilaksanakan dan apa yang mereka perlu lakukan untuk memastikan segala-galanya berjalan lancar menjelang 1 April 2015.

Syarikat yang layak di bawah GST mesti mendaftar sebelum 31 Disember ini dan jika mereka gagal, kami akan membuat pendaftaran secara automatik untuk pihak

mereka.

Namun, ia secara tidak langsung menjadikan mereka melanggar peraturan yang ditetapkan kerajaan dan perlu membayar denda lewat pendaftaran tidak kurang daripada RM1,500 untuk 30 hari dan tidak melebihi RM20,000 bagi tempoh lebih daripada 360 hari, seperti yang ditetapkan dalam Akta GST 2014, Seksyen 21 (5).

Kami berharap pemilik syarikat akan peka dengan tarikh ini supaya tidak perlu berdepan dengan denda yang dikenakan.

Setakat ini, bagaimana sambutan dalam kalangan perniagaan terhadap pendaftaran dalam kempen MyGST?

Setakat kini, 110,122 syarikat sudah mendaftar dalam kempen ini yang terdiri daripada syarikat di bawah 19 industri. Namun, jumlah berkenaan hanya mewakili kira-kira 28 peratus daripada lebih 300,000 syarikat yang sepatutnya mendaftar dalam kempen ini untuk pelaksanaan GST.

Kami menerima antara 2,000 dan 3,000 pendaftaran baru setiap hari dan jumlah berkenaan terus meningkat khususnya selepas pementangan Bajet 2015.

Syarikat yang mencatatkan jualan melebihi RM500,000 setahun perlu mendaftar untuk GST dan syarikat yang mencatatkan jualan kurang dari jumlah berkenaan digalakkan untuk mendaftar.

Jumlah RM500,000 yang ditetapkan itu adalah tinggi

berbanding beberapa negara lain yang sudah melaksanakan GST seperti Kanada, New Zealand atau United Kingdom.

Had bagi Thailand melebihi RM180,000 dan RM140,000 di Filipina. Berbeza di China di mana jumlah yang ditetapkan adalah antara RM2,600 dan RM10,000.

Had ini ditetapkan bagi melindungi syarikat PKS supaya mereka tidak perlu menanggung kos pematuhan. Oleh itu, pengguna boleh membuat pembelian keperluan asas daripada perniagaan yang tidak mengenakan GST. Ini juga secara tidak langsung memberi manfaat kepada mereka yang tinggal di kawasan luar bandar di mana mereka tidak akan dibebankan dengan GST.

Ada dalam kalangan pemilik perniagaan tidak tahu bahawa syarikat mereka perlu mendaftar dalam kempen ini kerana tidak pasti dengan jualan yang dicatatkan setiap tahun. Bagaimana proses ini dijalankan?

Perniagaan boleh menentukan kadar jualan tahunan mereka berdasarkan jumlah nilai bekalan bercukai bulan semasa dan 11 bulan sebelumnya atau jumlah nilai pembekalan bercukainya dalam bulan semasa dan 11 bulan akan datang.

Setiap perdagangan yang mempunyai perolehan jualan tahunan sebanyak RM500,000 dan ke bawah boleh juga secara sukarela mendaftar.

INSENTIF UNTUK SYARIKAT YANG MENDAFTAR DALAM KEMPEN GST

- ★ Cukai korporat dikurangkan kepada **24 peratus** berbanding **25 peratus** sebelum ini
- ★ Cukai pendapatan untuk PKS dikurangkan kepada **19 peratus** mulai 2016
- ★ **Cukai pendapatan koperasi** dikurangkan antara satu dan dua mata peratusan mulai 2015
- ★ **Yuran kesetiausahaan** dan pemfailan cukai dibenarkan sebagai pelepasan mulai 2015
- ★ **Elaun Modal Dipercepatkan** diberikan untuk pembelian peralatan ICT dan perisian sehingga 2016
- ★ Perbelanjaan untuk **latihan perakaunan** diberikan pelepasan cukai untuk 2014 dan 2015
- ★ **RM100 juta geran** untuk syarikat yang menghantar kakitangan untuk latihan GST pada 2013 dan 2014
- ★ Bantuan kewangan sebanyak **RM150 juta** bagi pembelian perisian perakaunan untuk syarikat PKS pada 2014 dan 2015

PROGRAM BIMBINGAN GST

HARI PERTAMA :

- Ciri-ciri GST
- Perakaunan untuk GST
- Isu peralihan
- Meletakkan harga

HARI KEDUA :

- Panduan untuk sektor tertentu
- Menyediakan sistem dan perisian perakaunan GST
- Maklum balas daripada industri tertentu berkaitan GST